



## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

### **TEKS UCAPAN**

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
**DATUK BANDAR**  
**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### **SEMPENA**

MAJLIS PENUTUP PROGRAM TRANSFORMASI  
MINDA MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI  
(MBSP)

### **TARIKH / MASA / TEMPAT**

**02 APRIL 2021 (JUMAAT)**  
**3.30 PETANG**

**DEWAN DATO HAJI AHMAD BADAWI**  
**BUTTERWORTH**  
**SEBERANG PERAI UTARA**

## **Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis**

### **Yang Dihormati**

**Puan Nurul Izzati binti Haji Rozali**

Penolong Pendaftar Kanan

Pusat Transformasi Insan

Universiti Sains Malaysia

**Cik Nadzira binti Md. Nazair**

Penolong Pendaftar Kanan

Pusat Transformasi Insan

Universiti Sains Malaysia

### **Yang Berusaha**

**Puan Ir Hj Rosnani binti Hj Mahmud**

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Puan Siti Haslinda binti Hasan**

Pengarah Khidmat Pengurusan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Pegawai-Pegawai Kanan**

Pusat Transformasi Insan

Universiti Sains Malaysia

**Kakitangan-Kakitangan**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

---

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat petang dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur saya kepada Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmatnya, dapat kita berkumpul pada petang yang indah ini dalam Majlis Penutup Program Transformasi Minda Majlis Bandaraya Seberang Perai bagi tahun 2021 di Dewan Dato Haji Ahmad Badawi, Butterworth dengan kerjasama Pusat Transformasi Insan (PTi), Universiti Sains Malaysia (USM).

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Puan Nurul Izzati binti Hj Rozali, Penolong Pendaftar Kanan, PTi USM dan pasukan beliau yang telah bertungkus lumus bersama-sama MBSP dalam menjayakan program ini yang telah berlangsung bagi siri pertama iaitu pada 22 hingga 26 Mac 2021 manakala bagi siri 2 yang bermula pada 29 Mac hingga 02 April 2021. Tahniah dan syabas buat semua.

Kerjasama dengan Universiti Sains Malaysia telah wujud sejak tahun 2013 apabila Program Transformasi Minda (PTM) dilaksanakan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 14 Tahun 2012 sebagai satu daripada syarat pengesahan dalam perkhidmatan bagi menggantikan Kursus Induksi. Program Transformasi Minda (PTM) dikhaskan kepada pegawai atau kakitangan lantikan tetap selepas 1 Januari 2013 dan belum pernah menghadiri Kursus Induksi – Modul Umum. Secara keseluruhan peserta bagi bagi kursus kali ini berjumlah 110 orang peserta dan ianya dibahagikan kepada dua (2) siri bagi mematuhi SOP pencegahan COVID-19.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Program Transformasi Minda bertujuan membangunkan modal insan secara holistik merangkumi keupayaan sahsiah dan intelektual yang mesti dimiliki oleh penjawat agensi awam bagi memandu pemikiran dan pelakuan dalam rutin kerja harian. Program Transformasi Minda diperkenalkan sebagai satu pendekatan untuk memberi pendedahan dan penyesuaian minda pegawai di peringkat awal pelantikan dalam konteks penyampaian perkhidmatan agensi awam. Kurikulum Program Transformasi terbahagi kepada tiga (3) segmen utama iaitu Negara dan Perkhidmatan Awam, Tanggungjawab dan Peranan Pegawai, dan Budaya Kerja Kelas Pertama.

Matlamat Program Transformasi Minda pada kali ini adalah:-

- i. Memberi pendedahan kepada peserta mengenai konsep kenegaraan, prinsip dan falsafah pembentukan Negara, sistem pentadbiran kerajaan serta peraturan-peraturan asas perkhidmatan awam;
- ii. Memupuk keperibadian, jati diri dan nilai patriotik pegawai supaya lebih berketerampilan dan berkemampuan menyesuaikan diri dalam perkhidmatan awam;
- iii. Menerapkan nilai budaya kerja cemerlang agar pegawai dapat memberikan penyampaian perkhidmatan dengan cekap serta berkesan termasuk menyediakan pegawai dengan minda kelas pertama selaras dengan matlamat ke arah negara maju; dan
- iv. Merupakan salah satu kriteria yang perlu dipenuhi oleh pegawai atau kakitangan lantikan tetap bagi tujuan pengesahan dalam jawatan.

## Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Ini merupakan sesi terakhir Program Transformasi Minda, iaitu sesi Bersama Pengurusan MBSP dan Majlis Penutup Program. Justeru, saya ingin mengambil sedikit waktu tuan-tuan dan puan-puan untuk berkongsi Hala Tuju Strategik MBSP ke arah Bandaraya Seberang Perai yang mampan dan lestari.

MBSP telah ke hadapan dalam usaha mengurangkan penghasilan jejak karbon seterusnya mengekang peningkatan pemanasan global tidak melebihi 1.5°C. *Seberang Perai Climate Action Strategy* yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang pada 11 Januari 2020, telah menetapkan *Waste and Circular Economy* menjadi fokus dan segala tindakan di bawah fokus ini perlu dipergiatkan bagi mengekang pemanasan global. Satu rekod yang membanggakan Seberang Perai iaitu penduduk Seberang Perai telah berjaya mengurangkan penghasilan GHG dari 8-ton CO<sub>2</sub>e pada tahun 2017 kepada 6.31-ton CO<sub>2</sub>e atau 21% pengurangan penghasilan karbon pada tahun 2020. Manakala kadar kitar semula pada tahun 2020 telah mencapai 55.91% yang merupakan kadar pencapaian tertinggi di Malaysia. Apabila tercetusnya Pandemik COVID-19 di mana pada 18 Mac 2020 seluruh negara telah diletakkan di bawah PKP, MBSP telah segera merangka bajet

2021 dengan memberi penekanan kepada *CIRCULAR ECONOMY* dan *DIGITAL ECONOMY* sebagai pemangkin ekonomi pasca COVID-19. Pada 19 September 2020, Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang juga melancarkan *Seberang Perai Circular Economy Roadmap* dan pada Jun 2021 MBSP akan melancarkan Pelan Tindakan *Seberang Perai Circular Economy* yang terperinci.

Majlis Bandaraya Seberang Perai telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) untuk membangunkan Pusat Pendidikan Hijau (*Edu-Green Centre*) di Padang Cempedak, Tasek Gelugor, SPU. Peringkat permulaan latihan merekabentuk ladang dan latihan bercucuk tanam telah diberikan kepada tujuh (7) orang Wira Orange, 20 orang Wira Orange telah diberi biji benih. Wira-wira ini akan menjadi *trainers* dan dimobilisasi ke komuniti untuk memberi latihan supaya komuniti tidak ditinggalkan dalam *Pembangunan Circular Economy*.

MBSP juga amat serius dalam menggalakkan aktiviti penanaman sayur-sayuran di kalangan warga Seberang Perai menggunakan kaedah *backyard farming* dan *balcony farming*. Ia menggalakkan pengeluaran makanan tempatan yang dapat menjamin kesegaran makanan, menghasilkan pelbagai jenis tanaman, menyokong pembangunan ekonomi

tempatan (*Local Economy Development*) dan menggalakkan pertanian yang berasaskan komuniti.

Dalam masa yang sama, MBSP telah melatih komuniti kampung yang diwakili oleh Kampung Permatang Nibong dan komuniti taman perumahan yang diwakili Taman Bagan Lalang untuk melibatkan diri dalam *Circular Economy*. Pada 28 Februari 2021, Yang Berhormat Tuan Phee Boon Poh, EXCO Alam Sekitar & Kebajikan Negeri Pulau Pinang; Ms Josephine Tan Mei Ling, General Manager Penang Green Council dan MBSP telah menyerahkan *Mini Manufacturing Kiosk Circular Economy* di Taman Bagan Lalang, SPU dan Kampung Permatang Nibong, SPT. *Mini Manufacturing Kiosk Circular Economy* adalah mesin yang direkacipta oleh Universiti Sains Malaysia (USM) yang mengandungi tiga (3) proses iaitu proses menghancurkan plastik; menukarkan plastik ke bentuk yang lain (*Extruder*) dan proses pencetakan 3D. Dengan penyerahan ini, Komuniti di Kampung dan Taman Perumahan boleh memulakan industri berasaskan *Circular Economy* yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang pada bulan September 2019 yang lalu.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**



Pada ulang tahun bandaraya yang pertama pada September 2020, MBSP melancarkan konsep kejiranan 20-minit atau *20-minute neighbourhood* untuk meningkatkan lagi kualiti hidup rakyat. Konsep ini adalah mengenai kedudukan rumah kediaman yang membolehkan penghuni rumah untuk mengakses semua keperluan harian beliau dalam jarak 20 minit berjalan kaki atau berbasikal dari rumah. Ia juga kadang-kadang dipanggil *complete neighbourhood*.

Konsep ini akan meningkatkan kualiti hidup dengan mewujudkan kawasan kejiranan di mana keperluan penduduk seperti perumahan, pejabat, restoran, taman, hospital tempat rekreasi dan tempat kebudayaan dapat diakses dalam sekitar 20 minit dengan berjalan kaki atau berbasikal. Masjid Daerah dan Menara Bandaraya di Bandar Perda menjadi pusat aktiviti utama. Selain itu, contoh kawasan perbandaran yang mempunyai ciri *20-minute neighbourhood* adalah Bukit Mertajam dengan pusat aktiviti di pasar awam; dan Jalan Bagan Luar, Butterworth dengan pusat aktiviti di Penang Sentral.

Semasa pandemik COVID-19, MBSP telah menggunakan pendekatan *Behavioral Insight* iaitu satu cabang ilmu daripada *Behavioral Sciences* untuk meningkatkan penggunaan perkhidmatan yang disediakan oleh

MBSP. Empat kunci utama dalam *Behavioral Insight* adalah *Make it Easy*, *Make it Attractive*, *Make it Social*, dan *Make it Timely*. Program yang telah berjaya dilaksanakan adalah:-

- i. Pasukan 'Tanya Saya' untuk membantu penggunaan *MBSPPay*.
- ii. Pembukaan *Cyber Counter Corner* untuk melatih orang awam menggunakan *Cyber Counter* dan membuat transaksi secara virtual.
- iii. Penubuhan *Seberang Perai City Channel (SPCC)* sebagai saluran media untuk menyampaikan maklumat terkini MBSP.
- iv. Menyediakan hadiah Cabutan Bertuah Cukai Taksiran iaitu hadiah pertama RM10,000.00, hadiah kedua RM5,000.00, hadiah ketiga RM3,000.00, hadiah keempat RM2,000.00, hadiah kelima hingga kesepuluh RM1,000.00 setiap akaun dan 30 hadiah yang lain berupa peralatan sukan dan rekreasi, peralatan telekomunikasi, barangan elektrik dan perkakasan rumah. MBSP telah berjaya menaikkan transaksi online daripada 55.63 % iaitu 119,752 transaksi pada tahun 2020 kepada 69.11 % iaitu 133,480 transaksi sehingga Februari 2021. Nilai transaksi online dari 1 Januari hingga 28 Februari 2021 adalah RM59,841,727 berbanding tempoh yang sama iaitu 1 Januari hingga 28 Februari 2020 iaitu RM46,912, 949.00.

- v. *Scan Park and Pay* untuk memudahkan bayaran cukai taksiran, memudahkan transaksi serta memudahkan pembayaran melalui *online* tanpa perlu turun dari kenderaan, telah dilancarkan pada 16 Februari 2021.
- vi. Meluluskan lesen yang tidak berisiko pada hari yang sama permohonan dibuat. Pengeluaran lesen serta-merta untuk permohonan lesen premis dan iklan (tidak berisiko dalam skim), lesen penjaja dan lesen veterinar. Usaha ini telah meningkatkan pengeluaran lesen tersebut di atas sebanyak 6% (bersih) iaitu 61,474 lesen pada tahun 2020 berbanding 2019 iaitu 57,829 lesen.
- vii. Penggunaan *Cyber Bill*, 72,227 *cyberbill* cukai taksiran telah dihantar dari 1 Januari hingga 28 Februari 2021.
- viii. MoU dengan Persatuan Orang-Orang Pekak Pulau Pinang untuk memberi peluang kepada Orang Kurang Upaya (OKU) untuk mengikuti mesyuarat secara *online*.
- ix. Soal Selidik Penyediaan Bajet 2022 yang telah dilancarkan pada 26 Februari 2021 dengan kerjasama PWDC dan *Penang Smart Parking*.
- x. *Signage Nudges* #penangproduktif di hadapan Menara Bandaraya di persimpangan Jalan Perda Utama, Jalan Perda Barat, Jalan Perda Timur kerjasama antara MBSP dan MPC Wilayah Utara.

*Behavioral Insight* mempunyai matlamat utama meningkatkan *engagement* dengan rakyat untuk menambahbaik perkhidmatan penyampaian dengan rakyat.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Saya berharap setiap pegawai dan kakitangan baru MBSP mempunyai minda dan keinginan untuk mencapai kecemerlangan dan mengamalkan budaya untuk mengutamakan halatuju MBSP supaya MBSP akan terus cemerlang di mata rakyat. Justeru, setiap sumbangan dan usaha yang ditunjukkan oleh kakitangan MBSP akan dihargai dengan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang. Majlis ini adalah manifestasi penghargaan Pentadbiran MBSP terhadap kakitangan-kakitangan MBSP yang telah menunjukkan prestasi yang cemerlang sepanjang tahun 2020. Segala usaha, pengorbanan, keringat dan usaha yang telah ditunjukkan oleh kakitangan ini dapat menjadi contoh dan pemangkin semangat kepada kakitangan-kakitangan yang lain terutama kakitangan baru berkhidmat dengan MBSP. Penganjuran majlis seperti ini menjadi bukti bahawa pihak MBSP sentiasa mengambil berat soal kebajikan dan usaha-usaha kakitangan yang menjadi pendokong utama kecemerlangan MBSP.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Segala perancangan yang dibuat oleh MBSP adalah berteraskan kepada pendekatan atau visi yang diketengahkan oleh Kerajaan Persekutuan ke arah *Post 2020 Development Dimensions* yang merangkumi Ekonomi, *Economic Empowerment* dan *Social Reengineering*. Perancangan MBSP juga merangkumi visi Kerajaan Negeri Pulau Pinang ke arah Penang 2030 yang lebih bersifat *People Centric*. Oleh yang demikian, segala usaha-usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan MBSP ini seiring dengan *Sustainable Development Goals (SDGs)* yang diperkenalkan oleh United Nations di mana misi kita adalah sama untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat dan ***“We Value In People’s Voices”***.

***Sekian,***

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.***

**Terima kasih, *Xie Xie, Nandri, Thank You.***